



Perbadanan Perpustakaan
Awam Kelantan

ISTANA BALAI BESAR TERSELIT PERISTIWA-PERISTIWA SEJARAH KELANTAN

Di petik : Utusan Malaysia, 12/9/1985.

Oleh : Wan Ramli Wan Mohamad.

DI SEBALIK keindahan Istana Balai Besar yang letaknya di tengah pusat bandar Kota Bharu itu ia sebenarnya terselit banyak peristiwa bersejarah di Negeri Kelantan.

Istana Balai Besar terletak dalam kawasan seluas 175,000 kaki dan didirikan pada tahun Hijrah 1261 (TM 1844) oleh Sultan Mohamad II bagi menggantikan Istana Kota Lama, pusat pemerintahan Kelantan pada awal abad kesembilan belas.

Sebelum ia dibina, terlebih dahulu didirikan sebuah kota sekelilingnya dan sebahagian besar dari kayu-kayunya diambil oleh rakyat melalui Tok Nebeng.

Pembinaannya siap dalam jangka masa setahun dengan mendapat kerjasama dari tukang yang mahir di seluruh negeri Kelantan.

Istiadat yang julung kali diadakan di Istana Balai itu ialah pada TH 1262 (TM 1845) sewaktu baginda menyambut surat sejabat dari Pengkalan Penambang ke Istana Balai Besar.

Surat sejabat itu menyatakan bahawa Pengkalan Penambang Senik bin Long Tan (Sultan Mohamad II) diiktirafkan oleh Seri Maha Raja Besar Siam menjadi pemerintah Kelantan.

Sebahagian daripada istana itu mengandungi dua tingkat yang menjadi sumber adat resam Melayu Kelantan pada zaman dahulu hingga kini.

Istana ini sekarang mengandungi dewan singahsana, dewan penghadapan dan juga digunakan untuk istiadat persidangan di raja.

Keseluruhan ruangan singahsana adalah terhampar dengan permaidani lukisan awan larat dengan latar belakang berwarna biru diraja dan kuning dan terlekat pada birainya bunga dan daun kelapa.

Bunga itu melambangkan pengertian kehormonian hidup berpadu antara raja, kerajaan dan rakyat Negeri Kelantan dalam negeri Malaysia.

Dari anjung surung ke tingkat pertama singahsana dihamparkan dengan segulung permaidani yang sama mengandungi lukisan danawan larat yang sama.

Pada ruang kiri kanan singahsana terletak almari yang di dalamnya dipamerkan segala ketandaan kebesaran Kerajaan Kelantan.

Antara darjah-darjah kebesaran itu ialah seperti bintang-bintang pingat dan alat kebesaran diraja semuanya ini melambangkan Kelantan mempunyai sejarah dan seni budaya kebangsaan Melayu sejak turun menurun lagi.

Di sebelah dewan penghadapan, ada sebuah bahtera diraja bernama Petala Indra Seri Kelantan yang berupa seperti burung.

Bahtera ini panjangnya 29 kaki dan lebar dari tengah 3 kaki dan 2 inci dan ia digunakan hanya sekali sahaja oleh Baginda Sultan Muhammad IV kerana mengambil angin rehat di sungai Kelantan.

Warna kepala dan ekornya disalut dengan perada air emas, paruh dan taringnya diperbuat dari suasa dan ditepi tubuhnya diukir dengan lukisan daun-daun dala dan pada bahagian tubuhnya berwarna kuning raja.



Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

Berhampiran dengan tangga ke tingkat atas diletak dua buah gong besar di raja. Bunyinya boleh mempengaruhi pendengar dengan mencetuskan rasa gembira atau meniupkan semangat kepehlawanan dalam masa perang.

Tingkat atas ialah dewan chancery bagi darjah kebesaran negeri dan bilik simpanan barang-barang dan alatan seni lama yang bersejarah.

Di sini juga disimpan darjah-darjah dan bintang-bintang negeri asing yang dimiliki oleh pemerintah Kelantan, begitu juga serba aneka barang persembahan di raja yang dapat dilihat oleh para pelawat dengan jelas.


Kelengkapan gendang besar diraja diletakkan dalam sebuah almari cermin pada sebelah dinding dan pada gendang-gendang ini bertulis dengan tanda-tanda darjah yang bermutu dan berkhidmat.

Rehat gading dan serunai mempunyai sejarah yang berasingan dan menunjukkan tanda adat resam yang kekal.

Manakala di halaman istana terdiri sebuah surau yang melambangkan keagungan rasmi agama Islam dan pusat ibadat terutama tatkala memulakan istiadat diraja.



ISTANA Balai besar di tengah pusat bandar Kota Baharu melambangkan erti sejarah Kelantan sebenar.



ISTANA Jahar yang kini jadi Muzium Kelantan terletak berhampiran Istana Balai Besar.



PINTU pagar besar Istana Balai Besar yang dibuat daripada kayu tempatan dengan ukiran cantik.

File : Sejarah Kelantan (file 1)